




UniMAP

# UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR

*“Mencarik Adat, Melarik Hasrat”*



*Opportunities, Entrepreneurial, Commitments and Destination*

**11 Februari 2015 | Dewan Ilmu, Universiti Malaysia Perlis**



SIRIM  
Quality  
Award



QS STARS  
RATED FOR EXCELLENCE

2014



5  
SETARA '11  
5  
D-SETARA

SOCIAL RESPONSIBILITY CERTIFICATE  
WORLDCOB  
CSR:2011.2





YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Naib Canselor, UniMAP

## **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

(Defying Convention, Inscribing Intention)

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para Tetamu Kehormat,  
Timbalan-timbalan Naib Canselor,  
Pegawai-pegawai Utama Universiti,  
Penolong-penolong Naib Canselor,  
Anggota-anggota Senat Universiti,  
Profesor-profesor,  
Dekan-dekan,  
Ketua-ketua Jabatan,  
Para Pensyarah, Staf Pengurusan dan Sokongan, serta  
Mahasiswa UniMAP yang dikasihi Allah sekalian.

### **Mukadimah**

Sekali lagi saya berdiri di sini. Sekali lagi saya berdiri di hadapan warga Universiti Malaysia Perlis dalam majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor (UTNC). Ini merupakan kali ke-13 saya berdiri dan berkongsi idea dan rasa dalam majlis UTNC di universiti ini. Pada kali ini saya berasa lebih bangga dan bahagia kerana inilah kali pertama kita berkumpul dalam majlis UTNC di dewan baru yang kita namai Dewan Ilmu. Dewan ini ialah dewan pelbagai guna yang kita bangunkan dengan menggunakan dana simpanan universiti sebagai hasil penjimatan kita bersama selain daripada surau dan bangunan pusat data ICT.

Majlis UTNC ini merupakan majlis rasmi pertama saya berdiri dan bercakap di hadapan warga UniMAP setelah saya, kelmarin, memasuki umur bersara wajib bagi pegawai awam. Hari ini ialah hari pertama saya berkhidmat semula setelah bersara. Tidaklah saya menyangka bahawa saya akan terus berkhidmat di universiti ini dalam umur saya ketika ini. Apa saya rasa? Jika itulah soalan saudara-saudara, inilah jawaban saya: berasa lebih muda; berasa lebih sihat, berasa lebih bertenaga; dan berasa lebih bernyala rasa kerana terfikir bahawa masih banyak yang belum terlaksana. Alhamdulillah! Saya masih dapat berfikir, berkongsi idea dan yang paling penting kita berkongsi tenaga untuk membangunkan universiti tercinta ini.

Lantaran terlalu banyak nikmat yang Allah berikan kepada kita semua, usahlah kita berlengah lagi untuk mengucapkan kesyukuran yang paling khusyuk kehadrat Allah (s.w.t) yang telah mengurniai kita pelbagai nikmat dunia: telinga, mata, ilmu dan iman; keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan kebahagian. Ya Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, sesungguhnya kami bersyukur kerana pelbagai nikmat yang Kaupinjamkan kepada kami.

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

**(Defying Convention, Inscribing Intention)**

Sedarlah bahawa kita tidak akan menjadi seadanya seperti sekarang tanpa cahaya yang dibawa oleh Baginda Rasulullah (s.a.w). Marilah kita bersama-sama dengan setulus keikhlasan mengucapkan selawat dan salam kepada Baginda Rasulullah (s.a.w), keluarga dan para sahabat Baginda. Sermoga apabila sampai masanya kelak kita tergolong ke dalam golongan hamba yang diberi syafaat oleh Kekasih Allah. Amin.

Sebelum saya meneruskan bicara akal dan hati, izini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia; Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Menteri Pendidikan; dan Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II kerana memberikan peluang kepada saya untuk meneruskan usaha membangunkan UniMAP. Dalam kesempatan ini juga izini saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan Naib Canselor yang banyak memberikan dokongan dan sumbangan semasa perbincangan dan tindakan bersama yang diambil untuk menggerakkan Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor (JKNCR) demi kemajuan IPTA negara. Ucapan terima kasih juga saya lahirkan untuk para pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi) yang banyak membantu dan mendorong saya mengurus universiti ini selama 13 tahun. Bekerja dengan semuanya bagi adat tiada bertukar, rahsia tidak berubah (maknanya perhubungan kita yang sangat akrab dan tidak dapat dipisahkan).

Saudara-saudara yang disayangi sekalian.

Tidak beradatlah saya jika hanya mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin negara dan rakan-rakan Naib Canselor dan para pegawai kementerian di seluruh negara sedangkan saudara-saudara di hadapan mata tidak disapa. Hakikatnya, insan-insan di hadapan mata saya inilah yang telah menjadi darah penyalur tenaga; menjadi nadi penggerak usaha; menjadi nafas penggerak tugas. Selama 156 bulan sejak saya diminta berkhidmat di universiti ini saudara-saudaralah, khususnya generasi awal staf akademik dan pentadbiran, yang menjadi penggeraknya sehingga universiti ini terbangun seadanya.

Terkenang saya akan detik-detik pertama saya, 13 tahun dahulu, di Negeri Perlis yang banyak mengubahkan sejarah hidup saya. Ketika itu saya datang dengan misi menubuhkan kolej universiti kejuruteraan. Dalam semangat yang bersendikan pelbagai idea dan wawasan, pelbagai juga keresahan dan kerisauan yang menekan. Di mana pejabat, bilik kuliah dan makmal pertama hendak dibina. Siapa dan berapa orang mahasiswa yang hendak dididik. Di mana asrama dan tempat riadah yang perlu disediakan. Siapa yang hendak membangunkan kurikulum, insan mana yang hendak menjaga kewangan dan siapa pula yang hendak membangunkan perpustakaan. Mujurlah ada Datin Noridah Yangman di sisi yang sentiasa memujuk hati dan menenangkan perasaan. Terima kasih Datin, Intanku yang sentiasa menjadi sumber ilham.

Dalam masa yang sama Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim muncul memberikan harapan dengan menyewakan tanah Yayasan Pok dan Kassim untuk didirikan kampus pertama kita di Kubang Gajah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri. Di samping itu rakan-rakan saya Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff (dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa pertama), Prof. Madya Ku Halim Ku Ariffin (Pendaftar pertama), Tuan Haji Ayob Ismail (Bendahari pertama) dan Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasaruddin (Pustakawan pertama) dan beberapa orang lagi, yang ada bersama-sama kita di dewan ini, turut sama sudi menghulurkan fikiran dan memerah tenaga untuk membangunkan universiti kita dari awal saat penubuhannya.

Saya luahkan sedikit perasaan saya dan menyebut satu dua nama pengasas universiti ini supaya generasi muda yang berada di dalam dewan ini tidak lupa akan dan mengabaikan sekelumit sejarah penubuhan universiti ini. Kepada semua staf yang telah bersama-sama saya menyumbang untuk membangunkan universiti ini dari dulu, kini dan seterusnya hanya ucapan terima kasih yang mampu saya hulurkan. Generasi awal pembangun universiti ini bekerja umpama adat bernegeri memagar negeri; adat berkampung memagar kampung (maknanya bekerja tanpa mementingkan diri sendiri). Selain itu hanya Allah yang berhak menganugerahi mereka dengan apa jua anugerah yang setimpal dengan budi baik mereka. Saya mendoakan kita semua digolongkan ke dalam golongan yang menduduki syurga Allah jua.

Terkini, nama UniMAP sudah terpahat sebagai antara 250 universiti berkualiti di Asia berdasarkan timbangtara badan pemeringkatan dan penarafan QS. Bukan suatu kebetulan jika UniMAP ditarafkan sebagai universiti tiga bintang oleh QS atau ditarafkan Tier 5 dalam SETARA dan D-SETARA. Sedarlah bahawa tiga bintang atau Tier 5 itu diusahakan dengan keampuhan rasa prihatin dan limpahan keringat kita bersama. Bukan perkara biasa, mengikut penilai QS, universiti yang berumur di bawah 15 tahun mendapat penarafan tiga bintang. Untuk pencapaian itu, terimalah ucapan tahniah dan terima kasih daripada saya kerana kesetiaan, kesungguhan dan kecemerlangan saudara-saudara membangunkan universiti ini bersama-sama saya.

Namun demikian, saya percaya bahawa tahap kesetiaan, kesungguhan dan kecemerlangan antara kita yang membina universiti ini berbeda. Ada antara kita yang setia tetapi tidak bersungguh dan tidak cemerlang. Ada yang bersungguh dan cemerlang, tetapi tidak setia. Ada juga, barangkali, antara kita yang tidak memiliki ketiga-tiga kualiti yang diperlukan oleh universiti untuk terus bersaing di dalam atau di luar negara. Sehubungan dengan perkara ini mari kita renungi mafhum surah At-Taubah ayat 99 - 102 yang berbunyi:

“Dan antara orang Arab Badwi itu ada orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, dan memandang apa yang dinafkahkannya (di jalan Allah) itu sebagai jalan mendekatkannya kepada Allah dan sebagai jalan untuk (memperoleh) doa Rasul. Ketahuilah, sesungguhnya nafkah itu adalah suatu jalan bagi mereka untuk mendekatkan diri (kepada Allah). Kelak Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat (syurga)-Nya; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.

Dan orang yang terdahulu, yang mula-mula (masuk Islam) dalam kalangan orang Muhajirin dan Ansar dan orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah reda kepada mereka dan mereka pun reda kepada Allah. Dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya. Mereka kekal di dalamnya buat selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.

Dan dalam kalangan orang Arab Badwi yang di sekelilingmu itu, ada orang munafik. Dan (juga) antara penduduk Madinah (ada juga orang munafik). Mereka keterlaluan dalam kemunafikannya. Engkau (Muhammad) tidak mengetahui mereka, (tetapi) Kamilah yang mengetahui mereka. Nanti akan Kami seksa mereka sebanyak dua kali, kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang besar.

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

(Defying Convention, Inscribing Intention)

Dan (ada pula) orang lain yang mengakui dosa-dosa mereka, mereka mencampuradukkan pekerjaan yang baik dengan pekerjaan lain yang buruk. Mudah-mudahan Allah menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.”

Mafhum ayat-ayat al-Quran yang dibaca tadi ialah sebahagian daripada ayat-ayat yang ditanzilkan Allah yang berkaitan dengan keakuruan dan dolak-dalik manusia zaman Rasulullah yang enggan ke medan perang dan berjihad di jalan Allah.

Selain daripada persoalan kategori manusia (orang yang beriman, orang munafik dan orang yang mengakui dosa mereka) yang mengelilingi Rasulullah, dan persoalan jihad dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya, yang menarik perhatian saya tentang ayat-ayat ini, ayat-ayat sebelum dan selepasnya dalam surah yang sama ialah frasa “...ada orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, dan memandang apa yang dinafkahkan (di jalan Allah) itu sebagai jalan mendekatkannya kepada Allah dan sebagai jalan untuk (memperoleh) doa Rasul. Ketahuilah, sesungguhnya nafkah itu adalah suatu jalan bagi mereka untuk mendekatkan diri (kepada Allah).”

Berdasarkan kefahaman saya, dalam konteks peperangan, kita perlu menafkahkan apa sahaja yang kita ada tentunya mengikut kemampuan untuk memastikan peperangan itu kita menangi. Nafkah yang diberikan itu termasuklah doa, idea, tenaga, kenderaan, wang ringgit, harta benda dan mungkin dalam bentuk motivasi, sokongan dan sebagainya. Bukan kecil atau besar kuantiti yang diberikan, tetapi penafkahan yang dikeluarkan secara ikhlas untuk mendekatkan diri kepada Allah. Barangkali inilah ayat Allah yang mendorong rakyat jelata menghulurkan sumbangan (termasuk barang kemas yang dipakai) untuk menghantarkan Almarhum Tunku Abdul Rahman ke London untuk menuntut kemerdekaan negara. Begitulah hebatnya jiwa pengorbanan rakyat Malaya pada ketika itu. Mudah-mudahan berkat penafkahan itu mereka menjadi amat dekat dengan Allah.

Jika kita mengaplikasikan ayat-ayat ini dalam situasi bencana alam, maka inisiatif-inisiatif yang telah kita usahakan untuk membantu para mangsa banjir di seluruh negara adalah wajar. Dalam kefahaman saya, jika kita ikhlas menghulurkan bantuan dalam apa juu bentuk kepada yang memerlukan, maka insya-Allah kita akan setapak lebih dekat kepada Allah. Untuk makluman kepada saudara-saudara, semasa dan selepas bencana banjir yang baru berlalu berdasarkan kemampuan yang ada UniMAP berjaya menghantarkan sebanyak 2100 orang sukarelawan yang terdiri daripada 1900 orang mahasiswa dan 200 orang staf untuk menghulurkan tenaga dan sokongan moral kepada mangsa banjir. Selain itu, sehingga kelmarin, UniMAP berjaya mengumpulkan sebanyak RM41,041.00 yang disumbangkan oleh staf daripada semua kategori untuk terus membantu mangsa banjir yang masih memerlukan sokongan. Peribahasa Melayu ada menyebut ‘Adat Pulau, Limburan Pasang’ (maknanya adat hidup bantu-membantu; yang berharta membantu yang melata, yang berilmu membantu yang keliru, dan yang berkuasa melindungi yang derita). Tahniah saya ucapan kepada semua staf yang menghulurkan sumbangan tenaga atau wang ringgit. Bagi pihak mangsa banjir saya mengucapkan terima kasih.

Raga tamban, pari dan kelah,  
Semoga sumbangan diberkati Allah.

Tertanjur bercakap tentang bencana alam ada baiknya juga kita bertanya kepada diri: setakat manakah kita dan UniMAP bersedia jika ditimpa bencana dalam apa juu bentuknya: mungkin banjir besar melanda lagi, mungkin kebakaran, mungkin kecurian, mungkin sakit atau penyakit kronik, dan seribu kemungkinan yang tidak terduga. Apa persediaan kita?. Sehubungan dengan ini saya memohon Pendaftar menyemak semula polisi pengurusan risiko UniMAP yang sedia ada. Saya berpendapat pengurusan risiko perlu bersifat komprehensif dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran sama ada yang berkaitan dengan manusia, modal intelek, aset, kewangan dan sebagainya.

Selanjutnya, polisi pengurusan risiko yang disemak itu perlu mengambil kira bukan sahaja aspek pengurusan semasa sesuatu bencana menimpa, malah perlu diperluas dengan mengambil kira aspek pengurusan pascabencana. Misalnya, pada tahun lalu kita kehilangan beberapa orang staf dan seorang mahasiswa kerana kembali kerahmatullah yang terdiri daripada:

- » Allahyarham Prof. Dr. Muhammed Zulkali Mohamed Daud, PPK Bioproses - (pada 5 Mei 2014)
- » Allahyarhamah Puan Sri Asliza Md. Amin, PPK Bahan - (pada 16 Julai 2014)
- » Allahyarham Dr. Amir Razif Jamil Abdullah, PPK Komputer dan Perhubungan - (pada 3 November 2014)
- » Allahyarham Encik Yahya Ibrahim, Jabatan Pembangunan - (pada 29 November 2014)
- » Allahyarham Encik Zulkifli Abdul Rashid, PPK Pembuatan - (pada 16 Disember 2014) dan
- » Allahyarhamah Syazana Sohaimee (mahasiswa) - (pada 15 Mac 2014)

Marilah kita bersama-sama membaca surah Al-Fatiyah dan kita sedekahkan pahala bacaan itu kepada semua rakan taulan kita yang telah kembali kerahmatullah. Semoga kepergian mereka menjadi pengajaran dan meningkatkan keinsafan kita.

Al-Fatiyah.

Suatu persoalan yang hendak saya bangkitkan sehubungan dengan pemergian mereka ialah setakat manakah rasa sedih kita kerana kehilangan rakan-rakan sekerja dan sedalam manakah simpati kita kepada waris rakan-rakan sekerja kita itu. Apakah nasib isteri atau suami dan anak-anak allahyarham atau allahyarhamah? Terjagakah makan, pakai dan rezeki mereka? Inilah yang saya maksudkan dengan pengurusan risiko yang komprehensif. Jika kita hendak membantu biarlah kita membantu secara berpanjangan; bukan bersifat temporal sahaja. Amat baik jika kita dapat membantu mangsa banjir semasa dan sejurus banjir surut, tetapi bukankah lebih baik jika kita dapat membantu saudara-saudara kita itu sehingga terusai derita mereka? Amat terpuji sikap kita jika dapat mengurangkan beban waris rakan-rakan kita yang telah dijemput Allah semasa dan selepas kepergian mereka.

Tetapi tidakkah lebih mulia jika kita dapat membantu mereka sehingga luput segala sengsara, khususnya sengsara anak-anak yang ditinggalkan. Beringatlah bahawa adat pasang, berturun naik (maknanya nasib kita tidak tetap; ada kalanya manis dan ada kalanya pahit). Hari ini hari mereka, hari kita entahkan bila. Semoga kita semua disimpangkan oleh Allah daripada segala musibah. Dalam konteks ini saya berpendapat bahawa Yayasan UNIMAP wajar memainkan peranan utama untuk menjaga kebaikan para staf, waris dan mahasiswa yang memerlukan bantuan secara berterusan sebelum kehidupan mereka stabil kembali.

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

## (Defying Convention, Inscribing Intention)

Semua staf, sama ada staf pentadbiran atau akademik hendaklah faham bahawa saudara-saudara perlu membantu Pendaftar melaksana semakan polisi pengurusan risiko ini secara serius. Hal ini semakin mendesak kerana selain pernah menjadi arahan kerajaan berdasarkan pekeliling Bil. 6 Tahun 2000 tentang Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam, pengurusan berdasarkan risiko turut menjadi tuntutan *Codes of University Good Governance* (CUGG). Para auditor CUGG akan berkampung di universiti kita sekitar pertengahan tahun ini untuk menilai sistem urus tadbir kita sebelum diberi kuasa autonomi, jika layak. Inilah peluang untuk kita menunjukkan bukti bahawa kita telah layak diberi kuasa autonomi seperti yang diberikan kepada beberapa buah universiti sebelum ini. Selain itu, saya difahamkan juga oleh Unit Kualiti PUSPEK bahawa dalam tahun ini piawai ISO 9001 versi 2015 akan diisyiharkan dalam pertengahan tahun ini. Antara perubahan besar yang terkandung dalam piawai versi baru itu ialah penerapan pendekatan pengurusan berdasarkan risiko secara sistematik dan menyeluruh untuk menggantikan klausula yang berkaitan dengan tindakan pencegahan.

Saya berharap Pendaftar akan segera mengenalpasti beberapa orang staf kanan dan kompeten supaya dapat dihantarkan menghadiri kursus yang berkaitan supaya menguasai ilmu pengurusan risiko secara sistematik juga. Selepas pulang dari berkursus saya berharap pula agar mereka berkongsi maklumat tentang ilmu yang dipelajari mereka dengan semua staf lain. Untuk menjimatkan perbelanjaan, mulai tahun ini, semua staf yang menghadiri kursus di bawah konsep pengembangan dan pemupukan bakat hendaklah memberikan kuliah atau ceramah yang berkaitan dengan ilmu, polisi atau prosedur bidang kerja mereka tanpa mengharapkan penceramah dari luar.

Saudara-saudara yang dirahmati Allah sekalian.

Berbalik kita kepada konsep memberikan nafkah yang diulas secara ringkas dalam konteks peperangan dan bencana alam tadi. Saya mahu mengajak saudara-saudara berfikir tentangnya dan diaplikasikan dalam konteks kita sebagai pekerja. Berada dalam alam pekerjaan, pada saya, tidak ubah seperti berada dalam peperangan. Dalam situasi kita perlu membantu mangsa bencana kita mempunyai pilihan untuk membantu atau tidak membantu. Jika kita ada tenaga tetapi kita tidak mahu membantu, itu tidak menjadi dosa, tetapi kita tidak mendapat pahala. Jika kita ada wang ringgit tetapi tidak mahu menghulur seringgit dua, itupun tidak menjadi dosa, tetapi mendapat pahala tidak juga. Jika kita ada tenaga, kita curahkan keringat; jika ada wang ringgit, kita hulurkan berapa sahaja walaupun sedikit, tetapi, jika kita tidak ikhlas, apa yang saya faham daripada para ustaz, kita tidak juga diberi ganjaran pahala. Jadi, asas memperoleh pahala ialah melakukan sesuatu dengan kesucian dan keikhlasan jiwa.

Namun demikian, seperti yang dinyatakan oleh ayat-ayat al-Quran tadi, dalam situasi peperangan, kita tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menafkahkan apa sahaja yang kita ada untuk mempertahan kedaulatan negara. Antara membantu bencana banjir dengan kewajiban dalam suasana peperangan, dalam konteks bicara saya, latarnya sudah berbeda, dan hukumnya juga mungkin sudah berubah. Kita tidak boleh berdolak-dalik memberikan komitmen untuk berjuang di medan perang seperti kita berdolak-dalik menghulurkan bantuan untuk mangsa banjir.

Bagaimana pula komitmen kita di medan pekerjaan? Bolehkah kita berdolak-dalik dalam pekerjaan? Dalam dunia pekerjaan kita tidak boleh mengatakan bahawa kita menafkahkan atau mensedekahkan idea, tenaga atau masa kita untuk mendekatkan diri kepada Allah. Bekerja, dalam jangka masa yang ditetapkan, ialah tanggungjawab kita yang dibayar. Kita memperoleh nafkah atau rezeki dengan membuat pekerjaan yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Maknanya, jika kita tidak melaksana tanggungjawab dengan sempurna atau berdolak-dalik, dalam apa jua bentuk dan cara, untuk mengelak daripada melaksana tugas dan tanggungjawab, maka apakah status rezeki yang kita bawa pulang?

Untuk menampung segala kekurangan dalam waktu bekerja kita perlu meluangkan lebih banyak masa untuk melaksana tugas dan tanggungjawab pekerjaan sama ada di rumah atau pejabat. Jika ini tidak dilakukan cuba bayangkan seandainya dari umur memulakan pekerjaan hingga umur bersara berapa banyak kita berhutang dengan pekerjaan kita. Bukan itu sahaja, malah kita mungkin berhutang dengan rakan-rakan sekerja yang melaksana kerja-kerja kita demi mengekalkan kecekapan dan keberkesanan organisasi. Pernahkah saudara-saudara terfikir tentang perkara ini yang berkait rapat dengan status rezeki yang kita bawa pulang?

Mari kita fikirkan bersama tentang perkara ini. Dalam suasana peperangan, jika kita tidak berkeupayaan ke medan perang, maka kita boleh menafkahkan apa jua yang termampu untuk memastikan kita menyumbang untuk peperangan itu. Dalam suasana saudara-saudara kita ditimpa bencana, kita boleh sahaja tidak menafkahkan apa-apa meskipun berkeupayaan. Tetapi, dalam dunia pekerjaan kita tidak mempunyai pilihan lain selain daripada melaksana tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan seperti yang kita persetujui semasa menerima tugas dan tanggungjawab itu. Dalam hal ini kita tidak boleh berdolak-dalik untuk mempertahankan status barakah pada rezeki yang dikurniakan Allah itu. Dan yang terbaik ialah melakukan yang lebih banyak daripada yang dipertanggungjawabkan kepada kita supaya dapat menampung mana-mana kekurangan yang tidak kita sedari. Lakukanlah lebih banyak kerja meskipun tidak dituntut seumpama kita melaksana ibadah-ibadah sunat seperti yang diajarkan dan ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah (s.a.w) supaya rezeki kita sentiasa diberkati Allah (s.w.t).

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

(Defying Convention, Inscribing Intention)

## **Mencarik Adat**

Saudara-saudara yang dihormati sekalian.

Nasihat yang saya luahkan tadi boleh disifatkan sebagai nasihat umum atau boleh juga disifatkan sebagai nasihat khusus yang ditujukan kepada staf tertentu. Urusan mentafsirkan niat saya, saya serahkan kepada saudara-saudara. Sebagai ketua saya bertanggungjawab memberikan nasihat yang baik dan teguran yang membina. Saya berharap ketua-ketua jabatan juga akan mengambil tindakan yang sama seandainya terdapat staf yang termasuk ke dalam kategori berdolak-dalik melaksana tanggungjawab.

Sebagai ketua kita perlu melakukan apa sahaja yang baik untuk meningkatkan kualiti generasi muda; bukan mahasiswa sahaja, malah staf juga. Ingatilah pesan ilmuwan Islam Ibnu Khaldun bahawa kualiti generasi muda hari ini menjadi cermin tentang masa depan negara. Mahasiswa yang kita didik hari ini jika tidak berkualiti nescaya memberikan kesan kepada kelangsungan atau *survival* negara pada masa akan datang. Dalam skop yang lebih kecil, jika staf muda hari ini tidak dilatih secukupnya sehingga tidak memiliki kualiti yang diperlukan untuk bersaing pada masa akan datang, diragui kualiti organisasi kita pada masa akan datang akan turut mengalami dekadensi atau *degeneracy* yang parah.

Lantaran, budaya menghormati yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda perlu dibajai dan disuburkan secukup-cukupnya. Yang lebih tua hendaklah bersedia memberikan nasihat dan teguran, sementara yang muda, meskipun berkelulusan lebih tinggi, hendaklah sentiasa berlapang dada untuk meminta nasihat dan mendengar pandangan dan kritikan daripada yang lebih tua dan berpengalaman. Bukankah kita mempunyai beberapa banyak ilmuwan di semua pusat pengajian yang wajar dibawa berunding untuk kebaikan? Rujukilah mereka. Mintalah pandangan mereka sebelum sesuatu keputusan diambil. Peribahasa Melayu mengingatkan kita bahawa bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat. Begitulah adat kita.

Budaya Melayu memang kaya dengan adat. Budaya Cina dan India pun apa kurangnya. Setiap tamadun ada budaya dan adatnya yang tersendiri. Adat ialah satu daripada elemen budaya. Adat banyak yang baik. Berkata peribahasa, adat dipakai baru, kain dipakai usang (maknanya adat yang baik, jika diikuti akan mengangkat darjat orang yang mengikutinya). Hal ini demikian kerana adat lazimnya bersendikan adab atau ketinggian budi pekerti.

Namun demikian, bukan semua adat adalah baik. Ada adat yang menyesatkan. Sebab itulah peribahasa mengingatkan kita bahawa adat memakai, syarak mengata (maknanya adat yang tidak sesuai dengan hukum Allah dan tidak selaras dengan keadaan semasa tidak ada gunanya dipertahan). Jadi, jika adat mahu diamalkan ikutilah nasihat peribahasa: adat mestilah bersendikan syarak, sementara syarak bersendikan kitabullah.

Adat secara mudahnya ialah peraturan atau amalan yang menjadi kebiasaan. Adat yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat lazimnya tidak bertulis tetapi dianggap oleh masyarakat yang mengamalkannya sebagai undang-undang dan mempunyai autoriti. Maksudnya, jika sesiapa melanggar adat maka orang itu dikatakan tidak beradab atau rendah budi pekertinya, malah dalam kes-

kes yang ekstrem orang itu boleh dipulaukan oleh komuniti atau masyarakat. Dalam organisasi, adat turut memainkan peranan penting untuk menjadikan anggota organisasi itu jelekit atau *cohesive*. Adat menjadikan anggota organisasi itu mudah dikenalpasti dan dibedakan daripada anggota organisasi yang lain. Jika kita berinteraksi dengan pekerja syarikat Jepun lazimnya kita akan dapat melihat sifat dan tingkah lakunya yang berbeda daripada pekerja syarikat dari Eropah atau negara-negara lain di Asia.

Tetapi dalam ucapan saya kali ini saya tidak merujuk definisi adat seperti yang dijelaskan tadi. Kata adat yang saya gunakan di sini agak longgar maknanya. Saya hanya merujuk adat sebagai kebiasaan yang menjadi amalan harian individu, kumpulan atau organisasi. Adat yang saya maksudkan di sini bukanlah seperti adat perpatih atau adat temenggung yang diamalkan di Negeri Sembilan atau Melaka. Itu adat yang ada autoriti. Tidak juga yang saya maksudkan itu seperti adat berendoi atau adat mencukur rambut anak yang baru lahir. Itu ritual untuk majlis tertentu dalam budaya kita. Adat yang saya maksudkan di sini terbatas dalam ruang lingkup makna yang lebih khusus iaitu kebiasaan yang menjadi amalan kita.

Persoalan yang hendak kita fikirkan bersama sekarang ialah apakah adat atau amalan yang menjadi kebiasaan kita di universiti ini. Mari kita fikirkan baik dan buruknya kebiasaan-kebiasaan yang kita amalkan. Di peringkat universiti atau peribadi ada beberapa banyak acara dan kebiasaan yang lazim kita amalkan dari sehari ke sehari. Kini, setelah 13 tahun universiti ini hidup subur dengan pelbagai adat atau kebiasaan, maka sudah sampai masanya kita menilai semula mana yang baik, mana yang perlu diselidik dan mana yang perlu dicarik. Pada pandangan saya, yang baik eloklah dikekalkan; yang tidak pasti wajarlah diselidiki lagi; dan yang negatif wajib dicarik dan ditukarganti.

Saudara-saudara yang dirahmati Allah.

Mungkin ada yang bertanya mengapa setelah 13 tahun baru mahu difikirkan semula kebiasaan kita? Saya mempunyai beberapa sebab yang konkrit. Yang menjadi motivasi bagi saya memikirkannya ialah sirah Rasulullah (s.a.w) setelah 13 tahun berdakwah secara senyap-senyap di Kota Mekah. Apabila diperintahkan oleh Allah (s.w.t) supaya berhijrah ke Yathrib yang kini kita kenali sebagai Madinah al-Munawwarah, Rasulullah (s.a.w) telah mencarik pelbagai adat yang negatif yang diamalkan oleh masyarakat Arab sama ada dalam kalangan golongan Muhammadiyah maupun Ansar. Adat negatif dicarik dan diganti oleh Rasulullah (s.a.w) dengan perintah Allah (s.w.t) yang absah.

Terdapat beberapa pengajaran daripada peristiwa hijrah dan tindakan Rasulullah (s.a.w) sebaik sahaja berpindah ke Madinah al-Munawwarah. Pengajaran utama yang wajar kita hayati dan amalkan dalam institusi kita ialah ketinggian sifat berkorban para sahabat. Kita wajar mencontohkan pengorbanan golongan Muhammadiyah. Golongan salafi ini telah mengorbankan kekayaan, kesenangan, masa, tenaga dan pelbagai keselesaan yang lain untuk memastikan kejayaan ummah berasaskan risalah yang didakwahkan oleh Baginda Rasulullah (s.a.w). Bagi kaum Ansar, antara lain, mengorbankan harta, wang ringgit, adat dan kebiasaan mereka. Sebelum hijrah Rasulullah, kaum Ansar yang terdiri daripada puak Aus dan Khazraj sering berbalah dan hidup dalam keadaan berpecah-pecah. Setibanya Rasulullah (s.a.w) di Madinah, Rasulullah (s.a.w) telah mempersaudarakan mereka, sama ada dalam kalangan Aus dengan Khazraj atau Ansar dengan Muhammadiyah, sehingga wujudnya suatu kesepadan dan perpaduan yang utuh dan ampuh. Ada dalam kalangan mereka yang berbahagi harta; dan ada juga yang sanggup berbahagi keluarga. Pendek

# “MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”

(Defying Convention, Inscribing Intention)

kata, selepas peristiwa hijrah itu suka-duka dijalani bersama antara mereka; jerih-perih dilalui bersama antara mereka; dan susah-senang dihadapi bersama antara mereka. Mereka menjalani kehidupan selepas beriman dengan agama Rasulullah bagai adat bernegeri memagar negeri, adat berkampung memagar kampung.

Jika setinggi itu tahap pengorbanan mereka, kita bagaimana? Setakat manakah pengorbanan kita dalam usaha mengagkat martabat ummah? Sehebat mana pula pengorbanan kita kepada institusi yang bernama Universiti Malaysia Perlis ini? Pengorbanan diperlukan semasa perang. Pengorbanan didambai ketika negara dilanda bencana. Pengorbanan diperlukan untuk membawa perubahan ke arah yang lebih baik dan cemerlang. Pengorbanan dituntut juga untuk memajukan institusi yang mahu sama gagah berdiri seperti gagah berdirinya institusi tersohor di dunia. Sudah cukupkah pengorbanan kita untuk memajukan diri dan institusi yang menjadi tempat kita mencari rezeki?

Dalam pemerhatian saya, sebahagian daripada kita telah banyak berkorban. Generasi pertama yang membina universiti ini buktinya. Tanyailah mereka apakah pengorbanan yang dilakukan untuk membina universiti ini sejak hari pertama penubuhannya: masa, tenaga, idea, atau harta? Jika ikhlas anda bertanya dan jujur pula jawaban mereka, saya pasti akan ada banyak cerita suka-duka dan tawa-derita yang dapat dikongsi bersama. Tetapi sudah mencukupkah pengorbanan yang disedekahkan itu?

Untuk menjadikan institusi ini tersohor di seluruh dunia, banyak lagi pengorbanan yang perlu dilakukan. Sesungguhnya tidak mencukupi dan tidak memadai pengorbanan dilakukan oleh generasi pertama sahaja. Pengorbanan perlu dilakukan oleh generasi kedua, ketiga dan generasi seterusnya yang mewarisi institusi ini. Jika institusi ini tidak dibina atas tapak pengorbanan oleh semua generasi yang membinanya nescaya akan terjejaslah reputasi semasa yang tercipta.

Barangkali ada dalam kalangan kita yang bertanya apakah lagi pengorbanan yang perlu dilakukan oleh semua? Secara jujur ada banyak jawaban dalam kotak fikiran saya. Yang paling asas ialah pengorbanan idea, masa, usaha dan tenaga. Saya mendahulukan pengorbanan idea kerana jika ada masa dan tenaga tetapi tiada idea, tiada gunanya juga. Sebagai universiti muda kita memerlukan idea yang banyak untuk membinanya. Kita tidak boleh mengharapkan idea datang dari suatu kelompok pembina yang kecil bilangannya dan yang sama sepanjang masa. Semua pembina perlu mencari, berkongsi dan melaksana idea-idea baharu yang padu untuk terus maju. Kita memerlukan idea baharu untuk menjalankan kerja-kerja harian di semua peringkat supaya proses kerja kita menjadi lebih cekap dari hari ke hari. Kita memerlukan idea-idea baharu untuk membuat penambahbaikan dalam sistem bekerja secara berterusan dari bulan ke bulan. Kita perlu sentiasa menjana idea baharu untuk dijadikan inisiatif unik dari semasa ke semasa. Setiap dua atau tiga tahun kita memerlukan idea dan inisiatif baharu yang jitu dan padu untuk memastikan daya saing universiti dapat dipertahan selalu. Idea-idea yang diperlukan bukan sekadar rupa bentuknya sahaja yang baharu tetapi ciri-ciri dan setiap juzuknya hendaklah berdaya maju dan sukar ditiru.

Telah banyak idea baharu atau inovatif yang kita ciptakan bersama sebelum ini. Idea-idea baharu dalam proses pembelajaran dan pengajaran, penciptaan dan persaingan penyelidikan, pembinaan kemudahan seperti penginapan, dan penyediaan persekitaran sebagai tempat belajar dan bekerja yang sesuai telah banyak kita terbitkan dan realisasikan. Tetapi cukupkah sekadar itu sahaja? Untuk dua, tiga atau lima tahun akan datang apakah pula idea-idea baharu yang perlu dihasilkan untuk menghadapi cabaran-

cabaran baharu pula? Inilah cabaran utama yang mendepani kita. Dan, cabaran utama ini memerlukan pengorbanan daripada semua pihak untuk menghasilkannya mengikut keupayaan masing-masing. Kerani dengan kadar keupayaan kerani. Profesor dengan keupayaan tinggi yang dimiliki mereka. Janganlah pula Profesor berkeupayaan seperti kerani. Tetapi, jika ada kerani yang berkeupayaan Profesor, itu suatu kelebihan daya saing yang perlu digilap menjadi gemerlap.

Sehubungan dengan aspek ini, adat yang perlu dicarik ialah adat tidak mencanggah idea, cara atau kebiasaan yang sedia ada secara membabi buta. Meskipun sesuatu idea, cara atau kebiasaan itu tidak memajukan atau menguntungkan universiti kita diamalkan secara berterusan jua. Orang yang tidak mencarik kebiasaan seumpama inilah apabila ditanya mengapa melakukan apa yang dilakukan, jawabannya, "Inilah idea mereka sebelum saya." Orang seumpama inilah apabila ditanya mengapa melakukan cara ini, jawabannya, "Inilah cara yang digunakan oleh semua sebelum saya." Orang seumpama inilah apabila ditanya mengapa idea dan cara ini dijadikan kebiasaan, maka dijawab mereka, "Inilah kebiasaan yang menjadi tradisi orang sebelum saya." Jika alasan ini dijadikan 'pakaian' secara berterusan oleh semua staf tunggulah saat-saat dekadensi institusi ini bakal menjadi realiti. Jika saudara-saudara tidak bersedia universiti ini dihinggapi virus *degeneracy* yang parah, berkorbanlah untuknya. Terbitkanlah idea-idea yang baharu, yang segar dan yang gila-gila untuk menambahkan kesuburan dan daya saingnya. Yang perlu dicarik ialah kebiasaan mempertahan idea dan cara lama meskipun idea atau cara lama itu terbukti sudah tidak berkesan atau tidak relevan dengan zaman.

Saya selalu mendesak agar kita melahirkan idea-idea baru yang gila-gila. Meskipun idea gila-gila yang dituntut, idea itu mestilah juga mempunyai ciri-ciri mampu diurus atau *manageable*. Baru-baru ini para dekan kita mengusulkan suatu idea baru, iaitu penggabungan pusat pengajian atau program pengajian tertentu di bawah satu payung bidang ilmu sepunya. Misalnya, mananya program pengajian yang ada kaitan dengan bidang ilmu kejuruteraan elektronik akan diletakkan di bawah satu pusat pengajian yang sedia ada atau pusat pengajian baru yang dipimpin oleh seorang dekan mengikut amalan biasa. Di bawah struktur baru ini kelak diusulkan juga agar dilantik seorang 'dekan kanan' nama jawatan yang sebenar akan ditetapkan kemudian yang terdiri daripada profesor kanan untuk memperkuuh pengurusan pusat pengajian itu. 'Dekan kanan' ini akan diberi tugas dan tanggungjawab baru, misalnya meningkatkan reputasi akademik, memperbanyak sumbangan endowmen atau wakaf, menjelikitkan hubungan dan jaringan strategik dengan industri di dalam dan luar negara, mengglobalkan mobiliti pelajar, mempermantap hubungan simbiotik dengan Alumni dan sebagainya bagi pihak pusat pengajian. Saya amat bersetuju dengan usul ini dan menjangkakan struktur baru ini akan memberikan nafas baru yang lebih segar kepada semua pusat pengajian khususnya untuk meningkatkan *ranking* dan *rating* disiplin pengajian itu di universiti kita. Oleh sebab itu, saya berharap para dekan dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) akan segera mengambil tindakan pentadbiran susulan untuk mendapatkan kelulusan daripada lembaga yang berwajib.

Selain daripada itu saya masih menunggu idea lain yang gila-gila daripada semua warga UniMAP. Kita masih memerlukan idea-idea tentang cara memartabatkan urus tadbir universiti, meningkatkan reputasi antarabangsa pusat pengajian dan universiti, memperkuuh agenda penyelidikan dan pengkomersilan, meningkatkan dana endowmen, mengkamiklan pelajar dan menambahkan bilangan pelajar antarabangsa, mengindahkan persekitaran kampus dan sebagainya. Kita memerlukan idea daripada semua warga dan dari semua peringkat. Jika saudara-saudara mempunyai apa jua yang berkaitan, khususnya idea yang

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

## (Defying Convention, Inscribing Intention)

gila-gila yang dijangka dapat meningkatkan martabat universiti silalah tampil ke hadapan. Atas nama universiti marilah kita menyuburkan dan menyatukan fikiran. Terjegalah dari kelenaan, bangunlah dari keselesaan dan berfikirlah untuk menyemarakkan nama universiti ini supaya lebih semerbak harumnya di seluruh dunia. Selamat berfikir. Selamat menerbitkan idea-idea baru yang gila-gila.

Saudara-saudara warga UniMAP sekalian.

Pengorbanan kedua yang perlu dibiasakan ialah pengorbanan masa. Untuk bersaing atau untuk menjadi lebih maju daripada orang lain kita perlu mengorbankan lebih banyak masa untuk melaksana kerja dan mencapai cita-cita. Orang yang mempunyai ijazah kedoktoran menghabiskan sebahagian daripada umur mereka dengan mentelaah ilmu yang didalaminya berbanding dengan orang lain. Orang yang berjaya dalam kerjaya atau dunia perniagaan kebanyakannya mencurahkan seumur hidup untuk memajukan diri dan dunia perniagaan mereka. Misalnya, setelah dilantik sebagai Rasulullah, Baginda Nabi Muhammad tidak kenal penat ielah untuk berdakwah, mentadbir ummah dan mengurus negara, dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan keluarga. Mereka memberikan fokus sepenuhnya kepada tugas dan tanggungjawab. Begitulah disiplin yang ditunjukkan oleh orang yang berjaya dalam konteks penggunaan dan pengurusan masa. Namun demikian, terdapat juga sebahagian kecil daripada mereka gagal mencapai cita-cita, meskipun mereka mengamalkan disiplin yang sama. Jika orang yang berdisiplin menggunakan masa pun ada yang gagal, sementelah pula orang yang tidak berdisiplin memanfaatkan masa.

Secara jujur juga, berdasarkan pemerhatian dan laporan-laporan yang sampai ke pengetahuan saya, didapati bahawa ada dalam kalangan kita yang gagal menggunakan masa bekerja dengan jujur untuk melaksana tugas dan tanggungjawab. Ada yang lewat ke tempat kerja, tetapi tidak mengganti waktu kerja yang diabaikan itu. Ada yang *touch-in* awal atau tepat pada waktunya, tetapi tidak terus melaksana tugas dan tanggungjawab. Selepas mendaftar bekerja, masa digunakan untuk tidur semula di rumah atau balik mengemas dan mengurus rumahtangga. Ada yang lebih suka menghabiskan masa di kedai-kedai makan untuk membicarakan pelbagai isu, asalkan bukan isu-isu yang berkaitan kerja. Ada juga yang menggunakan pejabat sebagai tempat beristirahat kerana penat berkhidmat di padang sukan, sedangkan waktu yang ada wajar digunakan untuk membantu rakan-rakan melaksana kerja. Dan, yang tinggi darjatnya dalam kalangan mereka ialah orang yang menggunakan waktu pejabat untuk mencari rezeki tambahan. Mereka bermiaga pula dari satu jabatan ke satu jabatan yang lain tanpa segan silu. Ada juga yang menggunakan masa untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat sambil menggunakan kemudahan institusi, tetapi semua hasilnya hanya masuk ke poket sendiri. Dan yang paling tinggi darjat dalam kalangan mereka ini ialah orang yang tidak datang bekerja tetapi jika gaji tidak dibayar mereka datang menyuarkan rasa ketidakpuasan hati. Semuanya dilakukan tanpa rasa berdosa. Inilah adat atau kebiasaan yang wajib dicarik jika kebetulan kita mengamalkannya. Ingatlah bahawa rezeki yang kita raih melalui institusi ini bakal menjadi darah daging anak, isteri atau suami dan keluarga tercinta.

Saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya rakan-rakan kita yang mengabaikan masa bekerja dan culas melaksana tugas dan tanggungjawab, rekod perkhidmatan mereka perlu disemak dengan lebih teliti dan berhati-hatinya. Sesiapa yang menjadi beban kepada pusat pengajian atau jabatan, jika bertaraf kontrak, kita tamatkan perkhidmatan mereka. Yang berjawatan tetap, kenakan tindakan disiplin yang sesuai secepat mungkin dengan seadil-adilnya. Kita tidak mahu tabiat dan kebiasaan mereka itu

berjangkit kepada yang lain. Jika wabak sudah merebak ditakuti kita tidak sempat menyuntik penawarnya. Justeru, warga UniMAP sekalian, walau setinggi mana pun jawatan anda, beringatlah bahawa kerja ialah tanggungjawab yang wajib dilaksana. Jika kita menuntut institusi berlaku adil kepada anda, terlebih dahulu berlaku adillah kepada diri dan institusi.

Jika idea sudah ada, jika masa sudah tersedia, apa lagi yang dapat menghalang kita? Saya berpendapat usaha dan tenaga. Inilah pengorbanan selanjutnya yang perlu dicurahkan sebagai tanda setia. Telusurilah gerak sejarah para sahabat Rasulullah (s.a.w). Untuk berhijrah dari Mekah ke Madinah sahaja menuntut pelbagai usaha dan tenaga. Sesampai di Madinah mereka berusaha dan memacu tenaga untuk membangunkan Kota Madinah dari segi dakwah, pendidikan, kemasyarakatan, ekonomi, politik dan pertahanan. Kiralah berapa banyak siri peperangan yang dilalui mereka untuk mempertahan negara dan rakyat jelata. Kiralah berapa banyak negara dikunjungi mereka untuk berdagang dan menyebarkan risalah agama. Kiralah berapa banyak gunung yang didaki, lurah yang dituruni dan padang pasir yang dilalui semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah. Semata-mata untuk bersama dengan Baginda Rasulullah (s.a.w). Itulah usaha mereka. Dan itulah jumlah tenaga yang dicurahkan oleh mereka untuk membina sebuah daulah yang tiada tolok bandingnya. Dalam pada itu solat malam tetap dijaga dan dianggap sebagai usaha memulihkan tenaga sebelum terus berusaha keesokan harinya.

Kita pula bagaimana? Sudahkah kita berusaha dan mengalirkkan tenaga, seperti mereka, untuk membangunkan universiti tercinta? Jika ada banyak idea, jika ada banyak masa, tetapi tanpa usaha mungkinkah suatu cita-cita akan terlaksana? Universiti yang berumur 13 tahun ini masih memerlukan banyak usaha dan tenaga daripada yang tua dan yang muda untuk memastikan kelangsungan daya saingnya.

Usahlah kita diperangkap dan terperangkap dalam zon selesa. Golongan yang terperangkap dalam zon *degeneracy* ini mudah berpuas hati dengan pencapaian yang tidak seberapa. Semasa bekerja bagi sudah tiada idea, usaha dan tenaga. Dari hari ke hari sudah tidak banyak penambahbaikan dan pembaharuan yang dibuat secara berterusan. Dalam hal-ehwal kualiti akademik mujur kita ada audit akreditasi yang menuntut *continuous quality improvement* (CQI). Tetapi, dalam aspek-aspek lain yang membina universiti ini bagaimana? Perhatikan sistem penyelenggaraan automasi, makmal, mesin dan peralatan. Berpuas hatikah saudara-saudara dengan sistem pemantauan kerja secara berjadual? Jadual mungkin disediakan, tetapi adakah jadual dipatuhi? Organisasi yang berdaya saing ialah organisasi yang sentiasa subur dengan idea-idea baru, sentiasa subur dengan usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan dan sentiasa segar dengan pembaharuan demi pembaharuan. Jika ini tidak dilakukan dan jika ini sudah menjadi kebiasaan, maka inilah yang perlu dibetulkan. Bagi yang terlena, bangunlah. Bangunlah dan betulkanlah sikap diri kerana di sini kita mencari rezeki. Pulihkan tenaga dan tambahkan usaha untuk melakukan apa sahaja yang terbaik untuk tempat kita bekerja.

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

(Defying Convention, Inscribing Intention)

Saudara-saudara.

Semasa terbitnya fajar tahun baharu 2015, saya menghantarkan sekeping gambar kepada semua dekan dan ketua jabatan. Di dalam gambar itu tercatat kata-kata *opportunity, entrepreneurial, commitment* dan *destination*. Untuk mudah diingati kata-kata itu diringkaskan menjadi OECD. Bukan *Organization for Economic Cooperation and Development*, tetapi *opportunity* (peluang), *entrepreneurial* (keusahawanan), *commitment* (keterlibatan) dan *destination* (hala tuju). Akronim itu bukan bermaksud organisasi kerjasama ekonomi dan pembangunan. Akronim itu terdiri daripada kata-kata yang mengajak warga universiti ini terlibat dan bekerjasama untuk membangunkan institusi dengan mengenalpasti peluang melalui kaca mata usahawan demi mencapai matlamat universiti.

Setelah kita mendidik diri dan berupaya mengorbankan idea dan masa, setelah 13 tahun membangunkan asas-asas yang kukuh untuk universiti yang tercinta ini, maka kini tibalah masanya makna kata-kata OECD itu perlu kita terjemah dalam bentuk tindakan. Peluang tidak akan memberitahu kita tentang kehadirannya. Peluang perlu dikenalpasti. Peluang perlu dicari. Peluang perlu diteliti. Sebab itulah kita perlu berusaha dengan menggunakan apa jua tenaga yang ada dalam diri kita untuk mengenalpasti, mencari, meneliti dan merebut peluang. Winston Churchill pernah berkata bahawa “*A pessimist sees the difficulty in every opportunity; an optimist sees the opportunity in every difficulty.*” Bagi kebanyakan orang, banjir menyekat rezeki, tetapi ada yang mengatakan banjir sebagai punca rezeki. Begitulah duduk letaknya peluang. Kata orang peluang berada di mana-mana. Pada saya peluang berada dalam minda kita. Peluang terbit daripada cara kita melihat sesuatu situasi. Tetapi bagaimana kita hendak tahu sesuatu itu peluang atau sebaliknya?

Sebab itulah saya meminta semua staf akademik mempelajari ilmu dan kemahiran keusahawanan. Lazimnya usahawan berupaya melihat peluang kerana minda mereka dilatih untuk melihat sesuatu sebagai peluang. Melalui jendela ilmu dan kemahiran keusahawananlah terbitnya daya cipta untuk menciptakan nilai baru dan meningkatkan nilai tambah sesuatu entiti. Mengapa perkara-perkara ini penting kepada kita sebagai pentadbir atau ahli akademik? Pada tahun lalu khususnya, dan dalam beberapa UTNC sebelum ini saya telah menjelaskan bahawa universiti kita tidak lagi boleh bergantung pada peruntukan kerajaan semata-mata. Telah berulang kali saya mengingatkan bahawa kita perlu menjana pendapatan sendiri sekitar 30% dalam tahun 2020. Universiti yang berdaya saing pada masa depan ialah universiti yang berupaya menjana pendapatan sendiri tanpa menjelaskan fungsi utama menciptakan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat.

Tanpa sumbangan daripada setiap juzuk dalam kalangan kita, berkemungkinan kita tidak akan dapat mencapai sasaran itu. Oleh sebab itu, sesiapa yang mampu menghasilkan produk penyelidikan yang mempunyai nilai komersil bersegeralah mengusahakannya. Sesiapa yang mempunyai jaringan yang kuat dalam kalangan para filantropi, bantulah universiti meningkatkan nilai dana endowmen. Sesiapa yang memiliki modul kursus atau bengkel jangka pendek tertentu untuk dikongsikan dengan masyarakat cepat-cepatlah merangkakan pelan pemasaran yang mapan. Dan sesiapa yang tidak berupaya melakukan sesuatu seperti yang saya sebut sebentar tadi, memadailah dengan menjimatkan perbelanjaan universiti. Namun demikian, lakukanlah semuanya dengan niat yang jujur, ikhlas dan beramanah atas nama agama, bangsa dan negara; bukan atas kepentingan diri semata-mata.

Saudara-saudara saya yang baik budi.

Semua yang saya luahkan sejak dari bermulanya majlis ini memerlukan keterlibatan atau komitmen daripada semua warga universiti. Saya pernah mengulas hal ini dalam UTNC 2011 semasa saya memperkenalkan teras strategik UniMAP 2011-2015 dengan tema 'Lonjakkan Komitmen, Lonjakkan Prestasi.' Pada masa itu saya menggesa semua warga UniMAP berusaha dan memadu tenaga untuk meningkatkan keterlihatan antarabangsa universiti sehingga menyerlah. Pada waktu itu saya menuntut agar semua warga kerja merubah komitmen kerja di bawah payung semangat */ positively CHANGE*. Saya amat berharap saudara-saudara yang pernah mendengarnya dulu, dan kini masih mendengarnya dari ucapan lidah dan letusan bibir saya agar telah berubah ke arah yang lebih positif.

Sudah berubahkah anda dan saya ke arah yang lebih positif? Jika dulu cemerlang apakah hari ini anda dan saya sudah lebih gemilang? Bagi yang naik pangkat baru-baru ini saya ucapkan tahniah. Jika dulu N41 sekarang sudah N44, jika dulu DS52 kini sudah DS54 dan bergelar Profesor Madya dan yang dulu Profesor Madya kini sudah menjadi Profesor penuh dengan Gred Khas C, B, ataupun A. Saya meminta saudara-saudara perhatikan nombor dan abjad pada kategori jawatan masing-masing. Jika nombornya semakin tinggi maka semakin tinggilah gaji saudara-saudara. Jika abjad gred khas itu semakin meningkat maka semakin terhormatlah saudara-saudara. Tetapi persoalannya, sejak jarak nombor atau abjad yang meningkatkan itu dengan komitmen saudara-saudara pada kerja? Selarikah nombor atau abjad yang meningkatkan itu dengan produktiviti kerja? Saya, bagi pihak universiti, mengharapkan agar peningkatan nombor dan abjad pada jawatan saudara sejajar dan selari dengan komitmen dan produktiviti kerja. Bagi yang belum merasa naik pangkat bersabarlah. Jika ada rezeki Allah untuk saudara, akan sampailah masanya kelak saudara-saudara pun akan menikmatinya. Cuma pastikan disiplin, komitmen dan produktiviti kerja anda sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. *Insya-Allah* giliran anda pula akan tiba.

Nasihat saya, pastikanlah yang jelik dicarik dan diganti dengan yang cantik dan menarik. Yang bercanggah hendaklah disanggah dan diganti dengan yang semenggah. Yang merugikan hendaklah segera ditinggalkan dan diganti dengan yang menguntungkan. Yang lemah hendaklah diubah dan diganti dengan yang tabah dan gagah. Yang sesat hendaklah segera bertaubat supaya hidup menjadi berkat, kuat dan hebat.

Jika semua warga universiti ini dapat menghayati nasihat yang diberikan dari awal bicara ini saya yakin kita akan sampai ke destinasi yang kita tetapkan bersama sejak 2011, iaitu menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia. Memanglah telah banyak yang kita lakukan bersama, tetapi ada banyak lagi yang belum sempat kita buat untuk menjadikan universiti ini antara yang terbaik di dunia. Destinasi telah jelas. Kita telah membuat keputusan untuk menyertai liga *QS Universities Ranking and Rating*. Sasaran sudah jelas. Yang belum jelas ialah apakah inisiatif-inisiatif baru yang perlu diusahakan untuk mencapai hasrat yang tersurat dan tersirat menjelang 2020.

# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

(Defying Convention, Inscribing Intention)

## **Melarik Hasrat**

Saudara-saudara yang prihatin sekalian.

Yang hendak dicarik telah dibentangkan. Kini, tibalah masanya kita melarik puja. Meskipun semua sudah maklum tentang hasrat kita untuk menjadi antara universiti terbaik di dunia, namun masih ada yang tidak pasti tentang taktik dan strategi untuk mencapainya. Untuk pengetahuan semua, anggota pengurusan tertinggi masih sedang memurnikan cadangan tentang inisiatif-inisiatif jangka panjang yang melibatkan jangka masa antara tahun 2016-2020. Bagi jangka masa itu kita perlu mengambil kira perubahan-perubahan semasa, khususnya hala tuju pengajian tinggi negara yang akan dibentangkan pada pertengahan tahun dan hala tuju negara berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Setelah semuanya tersedia dan setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU), akan kami bentangkannya kepada semua supaya masing-masing dapat membuat persediaan awal untuk menyambut inisiatif-inisiatif baru yang perlu dilaksana.

Dalam ucapan ini, mari kita melihat kedudukan semasa UniMAP di persada antarabangsa. Saya yakin kebanyakan warga UniMAP sedar bahawa UniMAP berada di tangga ke-242 dalam QS Asia Universities Ranking dalam tahun 2013. Mengikut analisis QS *Intelligent Unit* dalam tahun 2014 UniMAP berada di tangga sekitar 750-800 dalam QS World Universities Ranking dan dalam QS Asia Universities Ranking prestasi kita turun satu anak tangga, iaitu 243. Turunnya pencapaian kita dari tangga 242 ke 243 sewajarnya mendapat perhatian semua. Hal ini terjadi kerana beberapa kemungkinan. Semasa kita mencuba memperbaik prestasi semasa, dalam masa yang sama universiti-universiti lain di seluruh dunia yang termasuk dalam liga QS turut menambahbaik prestasi mereka. Kita berasa bahawa larian kita semakin pantas, tetapi dalam masa yang sama kita terlupa bahawa ada pesaing yang lain berlari lebih pantas daripada kita.

Untuk mengelakkan perkara ini berlaku lagi, maka saya menuahkan suatu pasukan *intelligent QS* di universiti kita yang diketuai oleh Puan Mazmin Mat Akhir. Berdasarkan data pencapaian 2013, mengikut kriteria dan indikator QS, pasukan *intelligent QS* kita mencadangkan supaya sasaran 2015 ditingkatkan untuk memastikan UniMAP dapat menduduki tangga ke-500 terbaik di dunia dalam tahun 2020 (sila rujuk Jadual 1). Sasaran ini merupakan sasaran yang perlu ditingkatkan dari tahun ke tahun berdasarkan data universiti tersohor dunia yang menjadi penanda aras kita. Maknanya, pada tahun hadapan sehingga tahun 2020 sasaran ini akan sentiasa berubah dan meningkat.

Jadual 1: Pencapaian (2013) dan Sasaran (2015) Berdasarkan Kriteria QS

KRITERIA INDIKATOR QS	PENCAPAIAN 2013	SASARAN 2015
REPUTASI AKADEMIK	36 NOMINASI	64 NOMINASI
REPUTASI MAJIKAN	62 NOMINASI	110 NOMINASI
PENGAJARAN: NISBAH PELAJAR PER PENSYARAH	10:1	10:1
NISBAH SITASI PER PENSYARAH	2.4 (2,170/904) KUMULATIF	7.54 (7,500/994) KUMULATIF
NISBAH: PENERBITAN PER PENSYARAH	1.9 (1,680/904)	6.03 (6,000/994)
PENSYARAH ANTARABANGSA	80	107
PELAJAR ANTARABANGSA	627 (6.9%)	927 (7.3%)
PERTUKARAN PELAJAR KE DALAM NEGARA	0.2%	0.6%
PERTUKARAN PELAJAR KE LUAR NEGARA	0.2%	0.6%

Berdasarkan cadangan pasukan intelligent QS kita, dengan ini saya mengisyiharkan bahawa inilah sasaran kita bagi tahun 2015 dalam konteks QS World Universities Ranking. Saya yakin kita boleh mencapainya jika kita memadukan usaha dan tenaga bersama. Selepas ini saya akan memanggil semua dekan dan ketua-ketua jabatan yang relevan untuk menyusunkan taktik dan strategi yang sesuai untuk mencapainya. Sasaran-sasaran yang telah ditetapkan akan dibahagi-bahagikan kepada pusat-pusat pengajian secara adil berdasarkan kapasiti dan keupayaan masing-masing.

Mulai hari ini para profesor, pensyarah, pentadbir dan kumpulan pelaksana sewajarnya sedia maklum apa yang hendak kita capai pada akhir tahun ini. Bantulah dekan dan ketua jabatan masing-masing dalam usaha kita menunjukkan bukti bahawa kita berupaya melakukan yang luar biasa. Marilah kita bersama-sama mencarik adat demi kebaikan bersama. Bagaimanapun, perlulah saya ingatkan bahawa sasaran-sasaran yang diberikan merupakan sasaran mengikut kriteria QS untuk kita bersaing di persada antarabangsa. Terdapat dua lagi senarai sasaran yang perlu kita capai dalam tahun ini mengikut keperluan persaingan setempat, iaitu KPI Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan (KPI YABM) dan KPI PSPTN. Oleh sebab semuanya penting dan semua sasaran perlu dicapai, maka saya memohon agar semua dekan dan pasukan masing-masing di pusat pengajian memikirkan secara serius inisiatif-inisiatif yang sesuai dilaksana di peringkat pusat pengajian masing-masing. Saya mengharapkan saudara-saudara menyediakan inisiatif-inisiatif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang yang komprehensif untuk mencapai cita-cita bersama ini pada tahun 2020.


Selain daripada peri pentingnya kita merancang (plan), melaksana (do), memantau (check) dan bertindak (act) atau PDCA yang perlu dilakukan untuk bersaing dalam liga QS World Universities Ranking, kita perlu juga melihat tahap kesihatan universiti daripada perspektif badan lain. Hari ini saya mahu menunjukkan beberapa data yang dikeluarkan oleh SCImago berdasarkan kriteria mereka yang berkaitan dengan jurnal dan penyelidikan.

# “MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”

(Defying Convention, Inscribing Intention)


Dari segi penulisan, UniMAP telah menunjukkan prestasi yang sangat baik. Contohnya, pada tahun 2014, Scimago Institutions Ranking (SIR) menunjukkan bahawa UniMAP berada pada kedudukan 1,715 terbaik dunia atau kedudukan ke-10 terbaik di Malaysia dari segi jumlah penulisan yang diterbitkan dalam jurnal terindeks Scopus, berbanding dengan empat tahun sebelumnya (2010) yang mencatat bahawa UniMAP hanya berada pada kedudukan ke-2,464 (rujuk gambar rajah 1).

Gambar rajah 1: Kedudukan Output UniMAP dalam SIR



Bagi kategori kumpulan bakat saintifik (*scientific talent pool*) pula SIR merakamkan UniMAP berada di kedudukan 1,528 terbaik dunia atau kedudukan 10 terbaik di Malaysia, berbanding 2,118 pada tahun 2010 (rujuk gambar rajah 2).

Gambar rajah 2: Kedudukan Kumpulan Bakat Saintifik UniMAP dalam SIR




SIR mencatatkan kecemerlangan UniMAP bagi kriteria kedudukan keunggulan pada kedudukan 1,351 terbaik dunia pada tahun 2010 (rujuk gambar rajah 3).

Gambar rajah 3: Kedudukan Keunggulan UniMAP dalam SIR

**KEDUDUKAN KEUNGGULAN**

(Peratus output saintifik institusi yang dimasukkan dalam kumpulan 10% artikel yang dipetik dalam bidang masing-masing)




Dari segi kepimpinan juga UniMAP pernah menempati kedudukan 343 terbaik dunia pada tahun 2011 (rujuk gambar rajah 4).

Gambar rajah 4: Kedudukan Kepimpinan UniMAP dalam SIR

**KEDUDUKAN KEPIMPINAN**

(Jumlah output institusi sebagai penyumbang utama, iaitu jumlah kertas yang dihasilkan oleh penulis dari institusi yang sama.)



# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**


## (Defying Convention, Inscribing Intention)

Selanjutnya, kecemerlangan kepemimpinan UniMAP terus terserlah apabila tercatat sebagai 728 universiti terbaik dunia atau lapan terbaik di Malaysia pada tahun 2014 (rujuk gambar rajah 5).

Gambar rajah 5: Kedudukan Keunggulan dalam Kepimpinan UniMAP dalam SIR

### **KEDUDUKAN KEUNGGULAN DALAM KEPEMIMPINAN**

(Kecemerlangan kepimpinan yang ditandai dengan jumlah dokumen di mana institusi merupakan penyumbang utama.)




Usaha tanpa mengenal jemu UniMAP meluaskan jaringan kerjasamanya ke seluruh pelosok dunia telah berjaya menempatkan UniMAP pada kedudukan 2281 terbaik dunia dari segi jaringan kerjasama luar negara (rujuk gambar rajah 6).

Gambar rajah 6: Kedudukan Kerjasama Antarabangsa UniMAP dalam SIR

### **KEDUDUKAN KERJASAMA ANTARABANGSA**


(Nisbah output institusi yang dihasilkan dengan kerjasama institusi asing).



Yang paling membanggakan ialah nilai sitasi daripada penulisan artikel staf UniMAP telah menempatkan universiti pada kedudukan 1981 terbaik dunia pada tahun 2014 berbanding kedudukan 3,761 pada tahun 2010 (rujuk gambar rajah 7).

Gambar rajah 7: Kedudukan Impak Ternormal UniMAP dalam SIR


**KEDUDUKAN IMPAK TERNORMAL**  
(Normalisasi nilai petikan dari artikel individu)



Selanjutnya, melalui penerbitan saintifik yang dipatenkan, UniMAP terus mencatatkan kecemerlangan melalui pengetahuan inovatif ahli-ahlinya, apabila terbukti mampu berada pada kedudukan 285 terbaik dunia dan kedudukan 392 terbaik dunia dari aspek kesan teknologi (rujuk gambar rajah 8 dan gambar rajah 9).

Gambar rajah 8: Kedudukan Pengetahuan Inovatif UniMAP dalam SIR


**KEDUDUKAN PENGETAHUAN INOVATIF**  
(Output penerbitan saintifik daripada institusi yang dipetik dalam hak paten)



# **“MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT”**

## (Defying Convention, Inscribing Intention)

Gambar rajah 9: Kedudukan Pengetahuan Inovatif UniMAP dalam SIR



Begitulah serba sedikit tentang pencapaian dan kedudukan UniMAP sama ada di peringkat dunia atau di dalam negara berdasarkan QS dan SCImago. Jika kita serius mahu meletakkan nama UniMAP sebaris dengan nama universiti tersohor yang lain kita tidak mempunyai pilihan lain selain daripada melarik hasrat atau matlamat strategik universiti hati dan berhati-hati. Lantaran besarnya hasrat kita, maka besar jugalah cabaran yang perlu ditempuh. Tetapi jika kita berjiwa besar, berusaha dengan bersungguh-sungguh, dengan sepenuh tenaga melaksana strategi dan PDCA, saya percaya UniMAP berupaya menjadi antara 500 universiti terbaik dunia pada tahun 2020.

Andai kata inilah UTNC terakhir saya, saya memohon maaf kepada semua. Yang saya ucapkan dan lakukan selama 13 tahun saya diberi peluang memimpin UniMAP hanya sekadar nasihat untuk seluruh warga kerja UniMAP dan usaha untuk memastikan UniMAP berdaya saing di persada antarabangsa. Jika baik hasilnya alhamdulillah dan itulah kuasa Allah. Jika buruk hasilnya, saya berharap generasi pelapis yang mengambil alih tampuk kepemimpinan perlu bekerja dan berusaha lebih luar biasa lagi.

Akhir kata, seperti adat biasa kita sebelum mengakhiri UTNC terimalah nasihat daripada budayawan Tenas Effendy tentang pemimpin sempurna dan pemimpin utama.

*Menjadi pemimpin ia sempurna  
Sempurna iman dengan takwanya  
Sempurna ilmu dan amalnya  
Sempurna lahir dan batinnya  
Sempurna kerja dan lidahnya.*

*Perangai elok tidak tercela  
Negeri dijaga rakyat dibela  
Adil dijunung atas kepala.*

*Dijadikan pemimpin hidup sejahtera*

*Dijadikan tua tak ada cacatnya*

*Dijadikan induk tak ada celanya*

*Dijadikan tiang tak ada lemahnya*

*Dijadikan tudung tak ada kurangnya.*

*Memimpin negeri amat terpuji*

*Memimpin umat amatlah bermanfaat*

*Memimpin bangsa amatlah berjasa.*

*Sebagai pemimpin ia utama*

*Dada berisi ilmu sempurna.*

*Menjalankan tugas sehabis daya*

*Memikul beban sekutu tenaga*

*Rakyat dibela negeri dipelihara.*

*Hati bersih budi pun mulia*

*Bekerja dengan ikhlas dan rela*

*Bekorban berjasa dengan baiknya.*

*Dijadikan pemimpin negeri sejahtera*

*Dijadikan tua tidak tercela*

*Dijadikan induk kuat membela*

*Dijadikan tiang kuat menyangga*

*Dijadikan tudung kuat naungnya*

*Dijadikan pucuk kuat minatnya.*

*Bila dipilih hilang selisih*

*Bila diangkat hilang maksiat*

*Memimpin negeri tuah berdiri*

*Memimpin umat beroleh rahmat.*

Semoga Allah (s.w.t) mengampuni kita semua.

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



**2003**  
BERSAMA MEMBANGUNKAN SEBUAH UNIVERSITI

**2004**  
TERUS MENGEMUDI TENAGA DAN UPAYA

**2005**  
TERUS MENGEMUDI TENAGA DAN UPAYA

**2006**  
MENGHAYATI KECEMERLANGAN, MEMBUDAYAKAN KUALITI

**2007**  
MODAL INSAN TERAS DAYA SAING

**2008**  
BERMINDA STRATEGIS, BERTINDAK PROGRESIF

**2009**  
DINAMISME BARU, WAJAH BARU

**2010**  
MENYANGGA AGENDA PERUBAHAN DAN INOVASI

**2011**  
**KETERLIHATAN ANTARABANGSA YANG MENYERLAH**  
Lonjakan Komitmen, Lonjakan Prestasi

**2012**  
**SEDEKAD GEMILANG, BERTEKAD TERBILANG**

**2013**  
**AMALAN BERTINDAK, HASILAN BERIMPAK**

**2014**  
**BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN**

**2015**  
**MENCARIK ADAT, MELARIK HASRAT**



**SIRIM**  
Quality  
Award



**QS STARS**  
RATED FOR EXCELLENCE  
2014



**NIOSH**  
CERTIFICATION



Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan  
[www.unimap.edu.my](http://www.unimap.edu.my)